

Kerajaan tolak ekstradisi

B.H. 3-NOV 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia menolak permohonan ekstradisi Kerajaan Australia terhadap anak saudara Sultan Terengganu, Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad, kerana mendapati tidak ada asas yang kukuh untuk menerimanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menandatangani surat penolakan itu dan akan disampaikan kepada Raja Kamarul Bahrin serta Kerajaan Australia untuk makluman rasmi secepat mungkin.

"Saya dinasihatkan oleh Peguam Negara dan Kementerian Dalam Negeri bahawa tidak ada asas bagi kerajaan, untuk menerima permohonan itu," katanya ketika ditanya oleh pemberita di ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Kerajaan Australia mengemukakan permohonan itu bagi membolehkan Raja Kamarul dibicarakan di Mahkamah Keluarga negara itu atas tuduhan membawa pulang dua anaknya, Iddin dan Shahirah yang dipelihara oleh bekas isterinya, Jacqueline Gillespie.

Malaysia dan Australia

tidak mempunyai perjanjian ekstradisi.

Mahkamah Keluarga Australia pada 1985 memberi hak penjagaan kedua-dua kanak-kanak itu kepada Gillespie.

Setahun kemudian Mahkamah Syariah di Terengganu, memberi hak penjagaan kepada Raja Bahrin. Ia juga pada Jun lalu, mengeluarkan waran tangkap terhadap Gillespie kerana gagal hadir untuk menghadapi tuduhan melanggar perintah mahkamah berkenaan.

Selain itu, ketika ditanya pengganti Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman yang mulai cuti bersara bulan lalu, Perdana Menteri berkata, setakat ini, beliau belum membuat sebarang keputusan mengenai penggantinya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengesahkan calon yang bakal menggantikan Abu Talib adalah kakitangan kanan yang berkhidmat dalam kerajaan.

"Saya belum boleh mengumumkannya lagi. Mengikut prosedur, ia memerlukan pengesahan daripada Yang di-Pertuan Agong terlebih dahulu. Nantilah kita umumkan kemudian," katanva.